

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VIII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

19. Senaraikan bilangan CCTV yang dipasang di seluruh SPT mengikut lokasi serta sama ada ia mempunyai fungsi *facial recognition*.
- (a) Apakah rancangan masa akan datang untuk menambahkan pemasangan CCTV di kawasan *hotspot* serta mengawal lalu lintas serta pembuangan sampah haram?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Pada ketika ini, terdapat sebanyak 100 unit kamera *Closed Circuit Television* (CCTV) yang telah dipasang di 42 buah lokasi di daerah Seberang Perai Tengah (SPT). Bilangan CCTV yang dipasang di daerah SPT dan dilengkapi dengan fungsi *facial recognition* adalah sebanyak tiga (3) unit yang dipasang di Jalan Perda Utama berhampiran Menara MBSP. Senarai bilangan CCTV dan lokasi CCTV yang telah dipasang di seluruh kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sememangnya mempunyai perancangan untuk menambah bilangan CCTV di kawasan *hot-spot* bagi tujuan kawalan lalu lintas dan pemantauan pembuangan sampah haram. Setakat ini, terdapat sembilan (9) unit CCTV yang dilengkapi fungsi *vehicle counting* di tiga (3) lokasi bagi tujuan kawalan lalu lintas di kawasan-kawasan yang sering berlaku kesesakan trafik. Selain itu, terdapat 12 unit CCTV dipasang di empat (4) buah lokasi untuk memantau aktiviti pembuangan sampah haram yang

sering berlaku di kawasan tersebut. Hasil daripada pemantauan kamera CCTV ini, tindakan yang tegas akan diambil terhadap pesalah. Kesemua kamera CCTV tersebut telah beroperasi sepenuhnya dan boleh dipantau melalui bilik kawalan CCTV milik MBSP di Bandar Perda serta bilik kawalan CCTV pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

LAMPIRAN A

SENARAI LOKASI DAN BILANGAN UNIT KAMERA *CLOSED CIRCUIT TELEVISION* (CCTV) YANG TELAH DIPASANG DI SELURUH KAWASAN SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)

Bil.	LOKASI CCTV	BIL. UNIT KAMERA
1.	Bulatan Bukit Tengah	3
2.	Simpang Jalan Taman Bayu Mutiara / Auto City	2
3.	Persimpangan Taman Nagasari	3
4.	Tingkat Perusahaan Perai 4A (Sony)	3
5.	Persimpangan Taman Chain Ferry	3
6.	Hadapan Politeknik Seberang Perai	3
7.	Jalan Susur Berhadapan Masjid Seberang Jaya	3
8.	Pekan Permatang Pauh	3
9.	Persimpangan Penanti	3
10.	Sains Park	3
11.	Depan Nasi Kandar Cathay / Hong Leong Bank / Simpang Jln Aston / Jln Kulim	3
12.	Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Kulim Ke Machang Bubuk	3
13.	Simpang Jalan Kolam / Masjid To' Kun / Sek Keb Juara Cherok Tok Kun	3
14.	Hadapan Public Bank Taman Bandaraya	3
15.	Simpang Jalan Kg Baru / Pusat Perniagaan Maju Utama Depan Cimb Bank	3
16.	Uptown Bandar Perda	3
17.	Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Rozhan/ Jalan Masuk Pasaraya Tesco Alma	3
18.	Hadapan Sek Keb Bukit Indera Muda (MBSP)	2
19.	Petron Jalan Baru	3
20.	Pasar Awam Taman Kota Permai (MBSP)	3
21.	Pasar Awam Kampung Baru (MBSP)	3
22.	Kawasan Perniagaan Maju Jaya (MBSP)	3
23.	Jalan Chain Ferry (Flyover)	3
24.	Jalan Chain Ferry (Flyover)	3

25.	Berhampiran Maybank Bandar Sunway	3
26.	Jalan Kebun Nenas	3
27.	Berhadapan Pusat Zakat Bandar Perda	3
28.	Berhadapan Kilang Barkath Food, Seberang Jaya	3
29.	Jalan Bukit Tengah	3
30.	Jalan Perda Utama Berhampiran Menara MBSP	3
31.	Jalan Perai Jaya (Megamall)	1
32.	Jalan Perai Jaya 2 (Megamall)	1
33.	Simpang Tingkat Kikik 7, Taman Inderawasih	1
34.	Simpang Jalan Kurau 5/Tingkat Kurau 5	1
35.	Simpang Tingkat Kurau 5 / Tingkat Kurau 4	1
36.	Jalan Todak, Bandar Sunway (Restoran Ratu Mas)	1
37.	Jalan Todak 2, Bandar Sunway	1
38.	Simpang Jalan Perda	1
39.	Simpang Jalan Tembikai/ Jalan Padang Lalang	1
40.	Simpang Jalan Pasar/ Jalan Danby, Pekan Bukit Mertajam	1
41.	Jalan Usahaniaga	1
42.	Jalan Rozhan, Alma (Pasar Raya Wonderful)	1
JUMLAH KESELURUHAN KAMERA		100